

06 JAN 2003

Mahathir-Unit Amanah/I

K'JAAN AKAN CARI JALAN SELESAI MASALAH TABUNG AMANAH NEGERI

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji cara-cara untuk mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh beberapa tabung amanah saham yang dikendalikan oleh kerajaan-kerajaan negeri, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata kerajaan tidak akan mengambil tindakan terakhir melalui sebarang langkah menyelamatkan kerana ia membabitkan jumlah dana yang besar tetapi akan "mengatur sesuatu" untuk membantu mengurangkan bebanan kerajaan-kerajaan negeri yang terbabit.

"Kita sedang mengkaji...kerana kita mahu mengurangkan kerugian mereka yang mesti ditanggung oleh para pelabur. Tiada tindakan menyelamatkan, kita boleh atur sesuatu, 'bail out' susahlah, bukannya sikit. Jumlahnya amatlah besar."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan perdana Perkhidmatna Awam keempat. Beliau juga merasmikan Pusat Teknologi Pengurusan Institut Tadbiran Awam Negara (Imatec) di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan baru-baru ini mengenai masalah yang dihadapi oleh kerajaan-kerajaan negeri akibat prestasi lemah tabung-tabung amanah saham yang dikendalikan kerajaan-kerajaan negeri.

Dr Mahathir, bagaimanapun, berkata para pelabur patut bersedia untuk menerima sebarang kerugian yang ditanggung dan tidak mengharapkan keuntungan setiap masa kerana pasaran itu sendiri adalah lemah pada ketika ini.

"Mereka (kerajaan-kerajaan negeri) memulakan benda ini (amanah saham) pada masa apabila pasaran amat cergas. Bila pasaran cergas, orang sentiasa fikir bahawa ia tidak akan jatuh. Tetapi pasaran semula jadinya turun naik, ia (bergerak) naik dan turun.

"Orang (pelabur-pelabur) tidak fikir mengenai krisis kewangan (serantau 1997-1998), misalnya. Sejak krisis kewangan itu, Indeks Komposit (Bursa Saham Kuala Lumpur) telah turun daripada 1,000 kepada 262 (mata), yang bermakna kerugian modal. Dan banyak syarikat juga menderita."

Bagaimanapun beliau berkata sesetengah orang berpendapat bahawa walaupun sesesbuah syarikat atau perbadanan kerugian wang, pelabur mereka patut mendapat balik wang yang telah mereka laburkan.

Pendirian itu adalah tidak munasabah, katanya.

Perdana menteri juga berkata bahawa pelabur-pelabur tidak patut lupa bahawa mereka telah menerima dividen daripada syarikat-syarikat atau perbadanan-perbadanan pada masa lalu.

Kepada soalan sama ada ia adalah kesilapan pengurusan yang harga amanah-amanah saham kendalian kerajaan negeri jatuh begitu mendadak, Dr Mahathir berkata para pengurus telah memainkan peranan mereka dengan baik tetapi perniagaan telah menjadi korban krisis ekonomi itu.

Ditanya sama ada kajian semula itu akan membabitkan kesemua tabung amanah saham negeri, beliau berkata: "Kita sedang kaji dan kalau boleh keseluruhanlah."

Terdahulu, samasa sesi soal-jawab tertutup dengan peserta, Dr Mahathir telah memuji Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, penasihat ekonomi beliau mengenai perkara-perkara kewangan, kerana memberikan nasihat berharga selepas krisis kewangan serantau 1997-98 itu.

-- BERNAMA

NM SHY OS NMO